

PAMERAN AWAM

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling

Jabatan Alam Sekitar Malaysia sedang mengkaji Laporan EIA bagi "Proposed Gold Mining Operation on Lot 31291 (ML. 09/2019) and Lot 20744 (ML. 10/2019), an Area 157.33 Ha (388.77 Ac.), Mukim Batu Talam and Seg, District of Raub, Pahang Darul Makmur".

Projek yang dicadangkan ini akan memberi manfaat dan juga impak negatif terhadap alam sekeliling. Impak negative berserta langkah tebatan yang bersesuaian telah dikenalpasti dan diperincikan di dalam Laporan EIA oleh Pengerak Projek.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk memberi ulasan bertulis ke atas Laporan EIA berkenaan yang boleh didapati dan dirujuk di tempat-tempat seperti berikut:

Perpustakaan

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)

Aras 1, Podium 3, Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Aras 1, Kompleks Mahkamah Kuantan,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh

Jalan Syed Osman,
26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur.

Majlis Daerah Raub

27600 Raub, Pahang Darul Makmur.

Orang ramai boleh menyemak Laporan EIA tersebut melalui kod QR bermula dari:

11 Januari 2021 – 09 Februari 2021



https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScA_7YQsg339-Z8w0qUmZ50eQPFOyYamdTpv7Rs3zRJ71ftQ/viewform?usp=pp_url

Orang ramai juga boleh mengemukakan ulasan bertulis sebelum **24 Februari 2021** melalui kod QR berikut:



https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSe6Aezyt6CIwGHMDfDfWvYzMsmbu6G4T2ie4MpJHbjohlfw/viewform?usp=pp_url

HUBUNGI KAMI



Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Kementerian Alam Sekitar dan Air,
Aras 1, Podium 3, Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya.

Tel: 03-8871 2000/ 2200

Faks: 03-8889 1973/75

Emel: eiapenilaian@doe.gov.my

Laman Web: www.doe.gov.my



Classic Sierra Sdn. Bhd.

No. 1A, Jalan Khoo Teik Ee,
Off Jalan Imbi,
55100 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Tel: 03-2110 1177/ 4929
Faks: 03-2110 5854
Laman Web: classic1133@yahoo.com



Pultex Environment Sdn. Bhd.

No. 130-M, Jalan Mega Mendung,
Jalan Klang Lama,
58200 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Tel: 03-7972 4516
Emel: pultexenviron@gmail.com

PROPOSED GOLD MINING OPERATION ON LOT 31291 (ML. 09/2019) AND LOT 20744 (ML. 10/2019), AN AREA 157.33 HA (388.77 AC.), MUKIM BATU TALAM AND SEG, A, DISTRICT OF RAUB, PAHANG DARUL MAKMUR



Malaysia beruntung kerana mempunyai rizab bijih emas yang terletak di lingkungan jalur emas Semenanjung Malaysia. Aktiviti perlombongan dimulakan dengan penerokaan rizab emas, perancangan dan pelaksanaan operasi perlombongan, serta penutupan lombong diikuti dengan penambakan dan pemuliharaan tapak. Perlombongan emas adalah salah satu industri perlombongan penting di Malaysia yang dapat memberi faedah ekonomi yang besar. Projek ini akan menyumbang kepada pendapatan yang tinggi di peringkat Negeri dan Persekutuan.

Classic Sierra Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan Pajak Melombong (ML) dari Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang (PTG) untuk menjalankan operasi perlombongan emas di kawasan seluas 157.33 hektar, bagi tempoh pajak melombong selama dua tahun (sehingga 8 Oktober 2021).

Pengekstrakan emas akan dilakukan melalui kaedah Timbunan Larut Lesap (HLPs). Ini adalah kaedah yang paling ekonomi dan berkesan (kadar perolehan yang tinggi) untuk mengekstrak bijih emas halus gred rendah. Bahan kimia yang akan digunakan adalah Goldix™, kapur, karbon teraktif, hipoklorit, natrium hidroksida (NaOH), asid nitrik (HNO₃) dan borax. Larutan tandus yang terhasil setelah proses pengekstrakan emas akan dikitar semula dan akan dimasukkan ke larutan larut lesap yang baharu, ditaburkan ke timbunan ROM di tapak larut lesap untuk mengekstrak emas.

KONSEP PROJEK

Lokasi: Hutan Tersang, Raub, Pahang, Malaysia

Kaedah Perlombongan: Terbuka

Teknologi: Kaedah Timbunan Larut (*Heap Leaching*)

Produk: Enapcemar Emas

Jangka Hayat Lombong: 2.7 Tahun (Fasa 1, 2 dan 3)